

Bil. S 45

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

(Perintah di bawah bab 83(3))

**PERINTAH DARURAT**

**(DANA PENGIRAN MUDA MAHKOTA AL-MUHTADEE BILLAH  
UNTUK ANAK-ANAK YATIM), 1998**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini membuat Perintah yang berikut –

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim), 1998 dan hendaklah dianggap telah berjalan kuatkuasanya pada 25 haribulan Ogos, 1998.

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain –

"Dana" bermakna Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim ;

"Perlembagaan" bermakna Perlembagaan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim yang terkandung di dalam Jadual kepada Perintah ini.

Perlembagaan Dana.

3. Peruntukan-peruntukan Perlembagaan hendaklah berkuatkuasa dan mempunyai kuatkuasa undang-undang pada tarikh Perintah ini dianggap telah berjalan kuatkuasanya.

Pejabat Dana.

4. (1) Dana hendaklah mengadakan dan menyenggara suatu pejabat dalam Negara Brunei Darussalam dan pejabat itu hendaklah menjadi alamat penyampaian bagi segala jenis notis dan perhubungan bertulis lain.

(2) Segala notis dan perhubungan bertulis lain hendaklah, jika ditinggalkan di pejabat yang diadakan dan disenggara di bawah ceraian (1), dianggap sebagai telah disampaikan atau diserahkan dengan sempurnanya kepada Dana.

Pindaan Perlembagaan.

5. Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan atas sokongan majoriti yang tidak kurang dari

dua pertiga dari ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana bolch meminda, mengubah atau menambah peruntukan-peruntukan Perlembagaan.

### JADUAL

## PERLEMBAGAAN DANA PENGIRAN MUDA MAHKOTA AL-MUHTADEE BILLAH UNTUK ANAK-ANAK YATIM

### BAHAGIAN I

#### GELARAN DAN TAFSIRAN

1. Perlembagaan ini boleh digelar sebagai Perlembagaan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.

2. Dalam Perlembagaan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain –

“anak yatim” bermakna seorang kanak-kanak sama ada lelaki atau perempuan yang belum berkahwin, belum mencapai umur 18 tahun qamariah dan ketiadaan bapa menurut salah satu atau lebih dari keadaan yang berikut –

- (i) bapanya telah meninggal dunia ;
- (ii) tidak diketahui di mana bapanya berada ;
- (iii) ditinggalkan oleh bapanya dan tidak diketahui siapa bapanya itu ;
- (iv) dia adalah seorang anak yang tak sah taraf ;

“Dana” bermakna Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim ;

“Ketua Pegawai Eksekutif” bermakna Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah bab 6 dari Perlembagaan ini ;

“Lembaga” bermakna Lembaga Pemegang Amanah yang dilantik di bawah bab 4 dari Perlembagaan ini ;

“tahun kewangan” bermakna tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 haribulan Disember.

## BAHAGIAN II

### PENUBUHAN DAN PENTADBIRAN DANA

**Penubuhan  
Dana.**

3. (1) Adalah dengan ini ditubuhkan sebuah Yayasan Amal yang digelar "Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim" yang mana hendaklah kekal turun-temurun dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama itu dan tertakluk kepada dan bagi maksud-maksud Perlembagaan ini, boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati harta alih dan tak alih, dan boleh membuat kontrak dan boleh memberi hak, menyerahkan, melepaskan, menggadaikan, menggadai-janji, memajak, memberi hak semula, memindah milik ataupun selainnya melupuskan atau mengendalikan, sebarang harta alih atau tak alih atau sebarang kepentingan ke atasnya yang terletak hak pada Dana mengikut syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dari masa ke semasa.

(2) Dana hendaklah mempunyai suatu meterai biasa dan meterai itu boleh, dari masa ke semasa, dipecah, ditukar, diubah dan dibuat baru sebagaimana yang dianggapnya patut dan, sehingga suatu meterai diadakan di bawah bab ini, suatu cap yang mengandungi perkataan "Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim" boleh digunakan sebagai meterai biasa.

(3) Segala suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang memerlukan meterai Dana hendaklah dimeterai dengan meterai biasa Dana dengan kebenaran Dana di hadapan Ketua Pegawai Eksekutif dan pemegang amanah lain yang diberi kuasa dengan sempurnanya secara bertulis oleh Dana untuk bertindak bagi maksud itu dan hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan oleh pemegang amanah yang diberi kuasa dengan sempurnanya itu, dan penandatanganan sedemikian, sehingga dibuktikan sebaliknya, adalah keterangan yang mencukupi bahawa meterai biasa Dana telah dengan sempurna dan betul dibubuh dan bahawa meterai itu adalah meterai biasa Dana yang sah.

(4) Dana boleh dengan ketetapan atau dengan cara lain memberikan kepada mana-mana ahli Lembaga (dengan tidak kurang dari dua orang) kuasa yang umum, atau kuasa yang terhad mengikut cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga, untuk menyempurnakan atau menandatangani bagi pihak Dana sebarang perjanjian atau suratcara lain yang tidak dimeterai berhubung dengan sebarang perkara yang termasuk di dalam kuasa-kuasa Dana.

(5) Meterai biasa atau cap di bawah ceraian (2) hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Pegawai Eksekutif.

4. (1) Maka hendaklah ada sebuah Lembaga Pemegang Amanah Dana yang akan bertanggungjawab terhadap pengawalan am dan pengurusan pentadbiran Dana.

Lembaga  
Pemegang  
Amanah.

(2) Lembaga hendaklah terdiri dari seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan sebilangan pemegang amanah lain, yang semuanya hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Ahli-ahli Lembaga hendaklah dilantik daripada kalangan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang berugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

(4) Ahli-ahli Lembaga yang dilantik sedemikian hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi dari tiga tahun dan hendaklah layak untuk dilantik semula.

(5) Jika Pengerusi tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perlembagaan ini kerana sakit, tidak berada di Negara Brunei Darussalam atau kerana sebarang sebab lain apa jua pun, maka tugas-tugasnya hendaklah dijalankan oleh Timbalan Pengerusi.

(6) Pengerusi hendaklah memanggil mesyuarat-mesyuarat seberapa kerapkali yang mungkin dikehendaki tetapi tidak kurang kerapnya dari sekali dalam empat bulan dan pada setiap mesyuarat Lembaga, korum hendaklah terdiri dari tiga orang pemegang amanah, termasuk Pengerusi atau Timbalan Pengerusi.

(7) Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus sekiranya terdapat persamaan undi.

(8) Lembaga boleh mempelawa mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya patut untuk menghadiri mesyuarat Lembaga bagi maksud memberi nasihat kepada Lembaga mengenai apa jua perkara.

(9) Tertakluk kepada Perlembagaan ini, Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk menetapkan prosedurnya sendiri dan membuat aturan-aturan bagi menjalankan kewajipan-kewajipannya dengan lebih baik lagi di bawah Perlembagaan ini.

5. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh menamatkan lantikan mana-mana pemegang amanah yang dilantik di bawah ceraian (2) bab 4 dari Perlembagaan ini jika dia –

Kehilangan  
kelayakan  
Pemegang  
Amanah.

(a) meletakkan jawatannya ;

- (b) menjadi tidak siuman atau tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipannya ;
- (c) menjadi bankrap atau menggantung pembayaran kepada atau membuat penyelesaian dengan pemutang-pemutangnya ;
- (d) disabitkan atas sesuatu kesalahan yang melibatkan ketidakjujuran atau penipuan atau kekejian akhlak ;
- (e) bersalah kerana melakukan salah laku yang berat berhubung dengan kewajipan-kewajipannya ;
- (f) tidak menghadiri, tanpa kebenaran Pengerusi, mesyuarat-mesyuarat Lembaga sebanyak tiga kali berturut-turut ; atau
- (g) gagal mematuhi kewajipannya di bawah bab 9 dari Perlembagaan ini.

Ketua Pegawai Eksekutif.

- 6. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atas sembah sokongan Pengerusi Lembaga (setelah berunding dengan Lembaga) boleh melantik seseorang yang bersesuaian yang berugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.
  - (2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dilantik atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah diamanahkan dengan pentadbiran harian Dana, penyediaan rancangan, skim atau projek untuk pertimbangan Lembaga dan pelaksanaan keputusan Lembaga.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab kepada Lembaga terhadap tindakan dan keputusannya.

(5) Jika Ketua Pegawai Eksekutif tidak ada atau tidak berupaya untuk bertindak, Pengerusi Lembaga dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik orang lain untuk menunaikan kewajipan-kewajipannya dalam tempoh ketiadaan atau ketiadaupayaannya itu.

7. Jika mana-mana pemegang amanah meninggal dunia atau meletakkan jawatan ataupun selainnya mengosongkan jawatannya sebelum berakhir tempoh lantikannya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik orang lain bagi tempoh selebihnya, bagi lantikan jawatan yang belum berakhir itu.

Kekosongan dalam jawatan pemegang amanah.

8. Tiada ahli Lembaga Dana boleh memikul sebarang tanggungan persendirian kerana sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh sebarang perbuatan atau peninggalan dalam pentadbiran hal ehwal Dana melainkan jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh suatu perbuatan atau peninggalan yang salah secara sengaja di pihaknya.

Tanggungan ahli.

9. (1) Mana-mana pemegang amanah yang mempunyai atau memperolehi, secara langsung atau tidak olehnya sendiri, melalui rakan kongsi atau wakilnya –

Pendedahan kepada kepentingan.

(a) sebarang bahagian atau kepentingan –

- (i) dalam sebarang kontrak yang dibuat dengan Dana ;
- (ii) dalam sebarang kerja yang dibuat untuk Dana ; atau
- (iii) dalam sebarang syarikat atau firma atau berkaitan dengan sebarang perusahaan di mana Dana bercadang hendak membuat suatu kontrak dengannya ; atau

(b) sebarang kepentingan berfaedah ke atas tanah yang dicadangkan untuk diperolehi, dibeli, dipajak atau dengan cara lain dikendalikan oleh Dana, yang diketahuinya akan terbabit atau mungkin akan terbabit oleh sebarang projek, skim atau usaha yang diluluskan atau dicadangkan untuk diluluskan oleh Dana,

hendaklah mengisyiharkan jenis dan setakat mana bahagian atau kepentingannya kepada Dana.

(2) Pengisyiharan yang dikehendaki untuk dibuat oleh seseorang pemegang amanah di bawah ceraian (1) hendaklah dibuat pada mesyuarat Lembaga di mana sebarang persoalan berkenaan dengan kontrak, kerja, perusahaan, perolehan, pembelian, pajakan, urusan, projek, skim atau usaha itu pertama kalinya dipertimbangkan, atau jika pada tarikh mesyuarat itu pemegang amanah itu tidak mempunyai sebarang bahagian atau kepentingan itu, pada mesyuarat yang berikutnya yang diadakan

selepas dia memperolehi bahagian atau kepentingan itu, dan dalam hal jika seseorang pemegang amanah memperolehi sebarang bahagian atau kepentingan itu dalam sebarang kontrak dengan Dana selepas kontrak itu dibuat, pengisyiharan tersebut hendaklah dibuat pada mesyuarat pertama yang diadakan selepas pemegang amanah itu memperolehi bahagian atau kepentingan itu.

(3) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu notis am yang diberi oleh seseorang pemegang amanah kepada pemegang-pemegang amanah lain yang bermaksud bahawa dia adalah seorang ahli dari sebarang syarikat atau firma tertentu dan dikira sebagai berkepentingan dalam sebarang kontrak yang, selepas tarikh notis itu, mungkin dibuat dengan atau oleh syarikat atau firma itu, hendaklah dianggap sebagai suatu pengisyiharan kepentingan yang mencukupi berhubung dengan sebarang kontrak atau permohonan yang dibuat demikian :

Dengan syarat bahawa notis itu hendaklah tidak mempunyai kuatkuasa melainkan jika sama ada ia diberikan pada mesyuarat Lembaga atau pemegang amanah yang berkenaan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan supaya dibentangkan dan dibaca pada mesyuarat Lembaga yang berikutnya setelah ia diberikan.

(4) Tiap-tiap pengisyiharan yang dibuat menurut bab ini hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat di mana pengisyiharan itu dibuat atau dibaca.

(5) Seseorang pemegang amanah hendaklah tidak mengundi atas sebarang ketetapan atau persoalan berhubung dengan sebarang kontrak, kerja, perusahaan, perolehan, pembelian, pajakan, urusan, projek, skim atau usaha di mana dia mempunyai sebarang bahagian atau kepentingan, sama ada dia telah mengisyiharkannya atau tidak, dan dia hendaklah juga tidak mengambil bahagian dalam sebarang perbincangan (kecuali atas pelawaan Lembaga) atau keputusan berhubung dengannya atau sebarang perkara yang berkaitan dengannya, dan jika dia berbuat demikian undinya hendaklah tidak dikira, dan dia hendaklah juga tidak dikira dalam korum yang hadir pada mesyuarat itu bagi maksud ketetapan atau persoalan itu.

### BAHAGIAN III

#### DASAR-DASAR PENUBUHAN, TUJUAN-TUJUAN DAN KUASA-KUASA DANA

Dasar-dasar  
penubuhan  
Dana.

10. Dasar-dasar penubuhan Dana adalah seperti berikut –

- (a) mengasuh dan membentuk anak-anak yatim menjadi generasi berilmu pengetahuan dan berkemahiran,

berakhhlak mulia selaras dengan konsep Negara Melayu Islam Beraja, yang taat setia kepada Raja, Ugama dan Negaranya ;

- (b) sebagai satu amal jariah atau sedekah tathauwu' untuk mempertingkatkan dan mengwujudkan rasa kasih sayang, belas kasihan dan pemedulian ke atas kebijakan dan kesejahteraan anak-anak yatim.

11. (1) Tujuan Dana ialah untuk membantu anak-anak yatim bagi membolehkan mereka mendapatkan asuhan, pimpinan dan pendidikan yang sewajarnya, dan menjadikan mereka warganegara yang berguna. Tujuan Dana.

(2) Tertakluk kepada kesesuaian dan keadaan sebarang kes tertentu, faedah atau bantuan di bawah bab ini boleh diberikan kepada mana-mana anak yatim yang menetap di Negara Brunei Darussalam tanpa mengira kerakyatan, bangsa dan ugama.

(3) Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan atas sokongan majoriti yang tidak kurang dari dua pertiga dari ahli-ahli Lembaga boleh mengubah, menambah atau memotong semua atau mana-mana tujuan Dana dengan syarat bahawa tiada perubahan dalam tujuan-tujuan Dana boleh dibuat yang akan memberangkan penggunaan harta Dana bagi tujuan-tujuan yang bukan untuk amal.

12. Bagi meneruskan tujuan Dana, tetapi tidak selebihnya ataupun selainnya Dana hendaklah mempunyai kuasa untuk – Kuasa-kuasa Dana.

(1) menerima wang yang dibayar pada tiap-tiap masa yang tertentu, derma, peninggalan dan penyerahan harta melalui wasiat , dan untuk membeli, mengambil atau menyewa atau sebagai pertukaran, menyewa ataupun selainnya mendapatkan dan memegang, mana-mana harta alih atau tak alih, memelihara dan mengubah mana-mana darinya sebagaimana yang diperlukan bagi mana-mana tujuan Dana dan menjual, menyewakan ataupun selainnya menyelesaikan atau menggadaijanji mana-mana harta alih atau tak alih tersebut ;

(2) mengeluarkan rayuan, mengadakan perjumpaan awam dan mengambil langkah-langkah lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki bagi maksud mendapatkan sumbangan kepada tabung Dana dalam bentuk derma, wang yang dibayar pada tiap-tiap masa yang tertentu ataupun selainnya ;

(3) mengeluarkan, membuat, menerima, mengesahkan, mendiskaun, melaksanakan dan menerbitkan nota janji hutang, bil, cek dan suratcara-suratcara yang lain, dan untuk mengendalikan akaun bank atas nama Dana ;

(4) meminjam atau mendapatkan wang bagi tujuan Dana atas syarat-syarat dan atas cagaran sebagaimana yang mungkin difikirkan patut ;

(5) bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan amal yang lain, badan-badan sukarela dan pihak-pihak berkuasa yang dikendalikan bagi meneruskan tujuan-tujuan atau yang mempunyai maksud amal yang sama dan untuk bertukar-tukar maklumat dan nasihat dengan mereka ;

(6) mengambil dan menerima sebarang hadiah berupa wang, harta atau harta benda yang lain, sama ada tertakluk kepada sebarang amanah khas atau bukan bagi mana-mana satu atau lebih dari tujuan-tujuan Dana ;

(7) melaburkan wang Dana yang tidak dikehendaki dengan serta-merta bagi tujuan-tujuannya dalam atau ke atas pelaburan, sekuriti atau harta sebagaimana yang mungkin difikirkan patut, walau bagaimanapun tertakluk kepada syarat-syarat (jika ada) dan kebenaran (jika ada) sebagaimana yang mungkin pada masa itu dikenakan atau dikehendaki oleh undang-undang ;

(8) membuat mana-mana derma amal sama ada dengan wang tunai atau harta benda bagi memajukan tujuan-tujuan Dana ;

(9) menubuhkan dan membantu mana-mana persatuan atau badan amal dan untuk membayar pada tiap-tiap masa yang tertentu atau menjamin wang bagi maksud-maksud amal yang dikira untuk memajukan tujuan-tujuan Dana ;

(10) mengambil bekerja dan membayar mana-mana orang yang bukannya seorang pemegang amanah untuk mengawasi, menganjurkan, menjalankan kerja dan menasihati Dana ;

(11) menggunakan wang bagi menginsuranskan mana-mana bangunan sehingga harga penuh bangunan itu ;

(12) mengambil insurans dan mengaturkan perlindungan insurans bagi, dan mengganti rugi pegawai-pegawai, orang-orang gaji dan pekerja-pekerja sukarelanya daripada dan terhadap semua risiko sebagaimana yang mungkin difikirkan patut ;

(13) bergabung dengan mana-mana syarikat, institusi, pertubuhan atau persatuan yang merupakan badan amal dari segi undang-undang dan mempunyai tujuan-tujuan yang sama sekali atau kebanyakannya sama dengan tujuan-tujuan Dana dan menegah pembayaran sebarang dividen atau keuntungan kepada, dan pembahagian sebarang harta benda mereka di antara, ahli-ahli mereka ;

(14) menubuhkan jika perlu cawangan-cawangan (sama ada berautonomi atau tidak) ;

(15) menyebabkan supaya ditulis, dan dicetak ataupun selainnya dikeluarkan semula dan diedarkan, dengan percuma ataupun selainnya, terbitan-terbitan berkala, majalah-majalah, buku-buku, risalah-risalah atau dokumen-dokumen yang lain atau filem-filem atau pita-pita rakaman ;

(16) mengadakan pameran-pameran, perjumpaan-perjumpaan, syarahan-syarahan, kelas-kelas, seminar-seminar, bengkel-bengkel dan kursus-kursus sama ada secara bersendirian atau dengan pihak-pihak yang lain ;

(17) melakukan semua perkara lain yang sah di sisi undang-undang yang akan memajukan tujuan-tujuan di atas atau mana-mana daripadanya.

13. (1) Lembaga boleh mewakilkan mana-mana dari kuasanya kepada satu jawatankuasa yang mengandungi tidak kurang dari tiga orang pemegang amanah.

Mewakilkan  
kuasa.

(2) Mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah ceraian (1) hendaklah mematuhi sebarang arahan atau peraturan yang mungkin dikenakan kepadanya oleh Lembaga dan hendaklah melaporkan semua tindakan dan perjalanan jawatankuasa kepada Lembaga dengan sepenuh dan segeranya.

14. Pendapatan dan harta Dana hendaklah digunakan hanya bagi mengembangkan tujuan-tujuannya seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan ini dan tiada bahagian dari pendapatan dan harta itu boleh dibayar atau dipindahkan, secara langsung atau tidak langsung, melalui dividen, bonus ataupun selainnya walau bagaimana caranya pun melalui keuntungan, kepada Lembaga dan tiada ahli Lembaga boleh dilantik ke sebarang jawatan dalam Dana yang dibayar melalui gaji atau bayaran atau menerima sebarang ganjaran atau faedah yang lain dengan wang atau yang boleh dinilaikan dengan wang daripada Dana, dengan syarat bahawa tiada sebarang apa pun boleh menegah sebarang pembayaran dengan suci hati oleh Dana –

Pembayaran.

- (a) ganjaran yang munasabah dan sewajarnya kepada seseorang pegawai atau orang gaji Dana yang bukan ahli Lembaga bagi sebarang perkhidmatan yang diberikan kepada Dana ;
- (b) sewa yang munasabah dan sewajarnya bagi bangunan yang dipajak atau disewa oleh Lembaga ; dan
- (c) kepada mana-mana ahli Lembaga bagi perbelanjaan yang dibayar dahulu olehnya.

#### BAHAGIAN IV

##### PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Kewajipan  
untuk  
menyimpan  
rekod  
perakaunan.

15. (1) Lembaga hendaklah memastikan bahawa rekod perakaunan ada disimpan dengan sempurna dan sewajarnya untuk menunjukkan dan menerangkan semua urusan Dana, dan yang akan dapat mendedahkan pada bila-bila masa, dengan ketepatan yang munasabah, kedudukan kewangan Dana pada masa itu.

- (2) Rekod perakaunan hendaklah pada khususnya mengandungi –
- (a) catatan-catatan yang menunjukkan dari hari ke hari semua jumlah wang yang diterima dan dibelanjakan oleh Dana, dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya penerimaan dan perbelanjaan berlaku ; dan
  - (b) satu rekod harta benda dan tanggungan Dana.

(3) Lembaga hendaklah memelihara mana-mana rekod perakaunan yang dibuat bagi maksud-maksud bab ini mengenai Dana sekurang-kurangnya selama enam tahun dari penghujung tahun kewangan Dana dalam mana rekod perakaunan itu dibuat.

Penyata akaun. 16. (1) Lembaga hendaklah menyediakan bagi setiap tahun kewangan Dana suatu penyata akaun.

(2) Lembaga hendaklah memelihara mana-mana penyata akaun yang disediakan olehnya di bawah ceraian (1) sekurang-kurangnya selama enam tahun dari penghujung tahun kewangan yang disebut dalam penyata seperti itu.

Juruaudit. 17. Dana hendaklah melantik juruaudit-juruaudit yang diiktiraf untuk mengaudit akaun-akaun Dana.

Laporan  
tahunan. 18. (1) Lembaga hendaklah menyediakan bagi setiap tahun kewangan Dana suatu laporan tahunan yang mengandungi –

- (a) laporan oleh Lembaga mengenai kegiatan-kegiatan Dana pada tahun itu ; dan
- (b) maklumat lain berkaitan dengan Dana atau Lembaga atau pegawai-pegawaiannya.

(2) Laporan tahunan yang dikehendaki untuk disediakan di bawah bab ini bagi mana-mana tahun kewangan Dana hendaklah dihantar kepada Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan oleh Lembaga dalam tempoh enam bulan dari penghujung tahun itu.

(3) Mana-mana laporan tahunan seperti itu hendaklah disertakan bersamanya penyata akaun yang disediakan bagi tahun kewangan yang berkenaan di bawah bab 16, bersama dengan laporan yang dibuat oleh juruaudit-juruaudit mengenai penyata akaun itu.

19. Dana hendaklah dalam tempoh enam bulan selepas penyata akaunnya diaudit menyiarkan dalam sekurang-kurangnya sebuah suratkhabar tempatan penyata akaun yang telah diaudit berhubung dengan setiap tahun kewangan Dana.

Penyiaran  
penyata akaun.

20. Jika pada pembubaran Dana masih terdapat, setelah menyelesaikan semua hutang dan tanggungannya mana-mana harta dalam bentuk apa pun, harta itu hendaklah dipindahkan atau diserahkan kepada institusi atau institusi-institusi amal yang lain yang mempunyai tujuan-tujuan yang sama dengan tujuan-tujuan Dana, dan yang menegah pembahagian pendapatan dan hartanya setakat sekurang-kurangnya sebesar yang dikenakan ke atas Dana di bawah atau menurut bab 14, institusi atau institusi-institusi seperti itu akan ditentukan oleh Lembaga pada atau sebelum masa pembubaran, dan setakat mana peruntukan tersebut tidak dapat dilaksanakan, maka kepada tujuan amal yang lain.

Pembubaran.

21. (1) Dana boleh dari masa ke semasa meluluskan suatu senarai jawatan (tidak termasuk pemegang amanah) yang difikirkannya perlu bagi maksud-maksud Perlembagaan ini dan boleh menambah atau meminda senarai ini.

Senarai jawatan  
dan lantikan  
pekerja.

(2) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan bab ini –

- (a) lantikan dan kenaikan pangkat ke semua jawatan hendaklah dibuat oleh Dana ; dan
- (b) penamatan lantikan, pembuangan kerja dan kawalan tata tertib pekerja Dana hendaklah terletak hak pada Dana.

## **WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

(3) Dana boleh membuat aturan-aturan, yang tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini atau sebarang undang-undang bertulis yang lain, bagi lantikan, kenaikan pangkat, kawalan tatatertib dan syarat-syarat perkhidmatan semua orang yang berkhidmat dengan Dana.

(4) Tanpa menjelaskan keluasan makna ceraian (3), Dana hendaklah menetapkan kadar-kadar ganjaran yang kena dibayar kepada orang-orang yang berkhidmat dengan Dana dan tiada sesiapa pun yang berkhidmat sedemikian boleh dibayar melainkan menurut kadar-kadar itu.

**Laporan tahunan.** 22. Dana hendaklah dalam masa enam bulan dari berakhirnya tahun kewangannya menyembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan satu laporan mengenai perjalanan Dana sepanjang tahun itu.

Diperbuat pada hari ini 4 haribulan Ramadan Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 23 haribulan Disember, 1998 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**